

D // PEER GROUP LEARNING PROJECT BERSAMA KUKUM

Seramai lebih kurang 150 orang pelajar tingkatan empat bersama enam orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra (SMSTSP), Kangar telah melawat Pusat Kejuruteraan KUKUM di Kuala Perlis pada 14 April lalu bersempena dengan program 'Peer Group Learning Project'. Majlis yang dirasmikan oleh Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin selaku Rektor KUKUM pada jam tiga petang itu merupakan sebahagian dari agenda Program Sekolah Anak Angkat/Program Persetujuan Bersama (MOU) antara SMSTSP dengan KUKUM. Objektif utama projek tersebut ialah untuk mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar melalui budaya belajar secara SMART dan berkumpul dengan prinsip 'Peer Group Pressure'.

